

# TIGER BALM® EX OINTMENT

Cajuput Oil/ Camphor/ Menthol/ Dementholised Mint Oil/ Clove Oil/ Cinnamon Oil (13% w/w/ 11% w/w/ 11% w/w/ 6% w/w/ 5% w/w/ 3% w/w)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Tiger Balm Ex Ointment*
2. Bagaimana *Tiger Balm Ex Ointment* berfungsi
3. Sebelum *Tiger Balm Ex Ointment*
4. Cara menggunakan *Tiger Balm Ex Ointment*
5. Semasa menggunakan *Tiger Balm Ex Ointment*
6. Kesan- kesan Sampingan
7. Cara Penyimpanan & Pelupusan *Tiger Balm Ex Ointment*
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang & Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh semakan

## Apakah kegunaan *Tiger Balm Ex Ointment*

Untuk kelegaan sementara bagi sakit otot dan sendi yang berkaitan dengan sakit reumatik, sakit pinggang dan terseliuh.

## Bagaimana *Tiger Balm Ex Ointment* berfungsi

Mempunyai kesan dingin kepanasan yang ringan, analgesik dan kesan anestetik biasa. Apabila diurut perlahan-lahan pada kulit, kesan sejuk dirasakan pada mulanya diikuti dengan rasa hangat. Rasa hangat boleh bertahan selama tempoh beberapa jam.

## Sebelum menggunakan *Tiger Balm Ex Ointment*

-Bila tidak boleh menggunakannya  
Individu yang diketahui atau disyaki tidak toleransi terhadap kesan dingin kepanasan perlu mengambil langkah berjaga-jaga sebelum menggunakannya.

### -Sebelum mula menggunakannya

Ia mungkin menyebabkan kesan alergi pada sesetengah individu yang mengalami kulit sensitif. Sebelum menggunakannya, cuba pada permukaan kulit yang lebih kecil terlebih dahulu.

### -Jika mengambil ubat-ubat lain

Tidak berkenaan. Untuk kegunaan luaran sahaja, bukan ubat untuk dimakan.

## Cara menggunakan *Tiger Balm Ex Ointment*

### -Berapa banyak harus digunakan

Gunakan hanya secukupnya dan sapu pada bahagian yang terjejas.

### -Bila perlu digunakan

Gunakan ia apabila mengalami kesakitan pada otot dan sendi yang berkaitan dengan sakit reumatik, sakit pinggang dan terseliuh.

### - Berapa lama perlu digunakan

Disyorkan untuk menggunakan 3 hingga 4 kali sehari.

### - Jika terlupa menggunakan

Runding dengan doktor mengenai apa yang perlu anda lakukan jika terlupa menggunakannya. Anda mungkin akan terus mengalami simptom ketidakselesaan yang disenarai.

### - Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika anda fikir anda atau sesiapa yang terlebih menggunakan ubat ini secara berlebihan atau tertelan secara tidak sengaja, berunding dengan doktor secepat mungkin atau pergi ke Jabatan Kecemasan di hospital berdekatan. Lakukan sedemikian walaupun tiada tanda ketidakselesaan atau keracunan. Anda mungkin memerlukan rawatan lanjut.

## Semasa menggunakan *Tiger Balm Ex Ointment*

### - Perkara yang perlu dilakukan

Sapukan pada bahagian yang sakit perlahan-lahan sehingga diserap sepenuhnya. Wanita mengandung dan wanita menyusu mesti berunding dengan doktor sebelum menggunakannya.

### - Perkara yang tidak boleh lakukan

- Jangan sapukan *Tiger Balm Ex Ointment* pada luka terbuka atau kulit yang gatal.
- Jangan ikat dengan ketat.
- Camphor boleh menyebabkan sawan. Jangan gunakan pada kanak-kanak bawah 2 tahun.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

- Individu yang diketahui atau disyaki tidak toleransi terhadap kesan dingin kepanasan ringan hendaklah berhati-hati menggunakan ubat ini.
- Langkah berhati-hati - hati perlu diambil semasa merawat kanak-kanak yang lebih berusia.
- Elakkan sentuhan secara langsung dengan hidung, mata, mukus membran, atau bahagian badan yang lembut.
- Berhenti gunakan jika berkalu iritasi pada kulit.
- Untuk kegunaan luaran sahaja. Jauhkan dari kanak-kanak.

## Kesan- kesan Sampingan

Boleh menyebabkan tindak balas alergi bagi sesetengah individu yang mempunyai kulit sensitif.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No.Tel: 03-78835550, atau laman web <http://www.npra.moh.gov.my> (Public → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)).

**Cara Penyimpanan & Pelupusan  
*Tiger Balm Ex Ointment***

-Penyimpanan

Ia adalah disyorkan untuk menyimpannya di tempat jauh dari cahaya matahari di bawah suhu 27°C, di tempat sejuk dan kering. Digunakan dalam masa 4 tahun dari tarikh pembuatan.

-Pelupusan

Ubat tidak boleh dilupuskan ke saluran air. Minta nasihat ahli farmasi anda mengenai cara pelupusan jika ubat tidak digunakan lagi.

**Maklumat Lanjut**

-Rupa dan warna produk

Salap putih kekuningan dengan ciri bau Camphor dan Menthol.

-Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif:

Cajuput Oil, Camphor, Menthol,  
Dementholised Mint Oil, Clove Oil,  
Cinnamon Oil.

-Bahan tidak aktif:

Paraffin, Petrolatum

-Nombor MAL

MAL19962564X

**Pengilang dan Pemegang  
Pendaftaran Produk**

Tiger Balm (M) Sdn. Bhd,  
PLO 95, No. 6, Jalan Firma 1/1,  
Tebrau Industrial Estate,  
81100 Johor Bahru, Malaysia.

**Tarikh Kemaskini RiMUP**

11/04/2018

**Serial Number**

NPRA (R4/1)060218/00038